

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

26. Nyatakan status cadangan pelebaran Kampung Besar, Seberang Perai Tengah (SPT) yang bernilai RM8 juta. Perbadanan Aset Kereta (RAC) membina pagar di kawasan rel keretapi Jalan Aston dan Kampung Besar, tetapi kerja-kerja pembersihan dan memotong rumput/lalang tidak dijalankan dengan konsisten mengakibatkan masalah-masalah kepada penduduk setempat.
- (a) Bolehkah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ambil alih tugasnya dan menyaman RAC?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. (a) Cadangan pelebaran Jalan Kampung Besar, Seberang Perai Tengah (SPT) yang bernilai RM8 juta telah mula di peringkat perancangan dan reka bentuk pada April 2017 dan pembinaannya dijangka siap pada Disember 2020. Melalui kelulusan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM500,000.00 pada tahun 2017, reka bentuk jalan bagi cadangan pelebaran Jalan Kampung Besar, SPT telah pun disiapkan. Namun terdapat isu berkaitan pengambilan tanah yang melibatkan pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang tidak bersetuju dengan pengambilan tanah terbabit. Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang berunding dengan pihak KTMB.

Isu kerja-kerja pembersihan dan pemotongan rumput di dalam kawasan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) adalah menjadi tanggungjawab tuan tanah. Isu ini telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) dan PAK telah diminta untuk mengambil tindakan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, mengikut Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976, “mana-mana pemunya yang membiarkan tanah atau mana-mana bahagiannya berada dalam keadaan kotor dan tidak baik atau diliputi oleh tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh disaman”.

Oleh itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) boleh mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan Notis Penghapusan Kacau Ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- (ii) Mengeluarkan kompaun kesalahan membiarkan premis/tanah dalam keadaan tumbuhan rimbun atau kotor di bawah Seksyen 74, Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- (iii) Sekiranya tiada tindakan pembersihan dibuat, pihak MPSP akan membuat pembersihan dan caj pembersihan akan dikenakan kepada pemilik; dan
- (iv) Jika didapati tuan premis masih engkar notis/kompaun yang dikeluarkan, maka tindakan mahkamah boleh dikenakan di bawah Seksyen 82 (5), Akta Kerajaan Tempatan 1976.